



**IKLAN JAWATAN PENYANDANG KURSI INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

A. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	:	Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu
Kaedah Pengisian	:	Peminjaman atau pertukaran sementara/ Kontrak
Jumlah Gaji	:	Akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan/ Lembaga Pengarah Universiti
Tempoh Lantikan	:	2 tahun (tertakluk kepada prestasi)

B. KRITERIA UMUM

Calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

i. Kecemerlangan Akademik

Seorang profesor atau pakar yang setara dalam bidang berkaitan. Mempunyai kelayakan Ph.D merupakan satu kelebihan, mendapat *command of respect* dari rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dan mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan penerbitan atau perundingan, pengurusan projek dan pentadbiran.

ii. Hubungan Antarabangsa

Penyandang mestilah mempunyai pengalaman dan hubungan jaringan antarabangsa yang kukuh dan diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya. Mendapat pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara merupakan satu kelebihan.

iii. Personaliti

Mempunyai ketokohan yang terserlah dan diiktiraf dapat membantu meningkatkan imej universiti dan menjadi pemangkin kepada pihak luar untuk menjalankan kerjasama, bersifat objektif dan neutral (tiada pengaruh luar) dan boleh memberi sumbangan signifikan kepada universiti.

iv. Berfikiran Jauh dan Kritis

Penyandang mestilah seorang yang mempunyai pandangan global, berkemampuan untuk berfikiran jauh ke arah kecemerlangan organisasi.

v. **Berintegriti**

Penyandang perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tata tertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

C. CARA PERMOHONAN

- i. Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini hendaklah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:
 - a. Surat permohonan rasmi
 - b. Borang Permohonan
 - c. *Curriculum Vitae*
 - d. Salinan sijil
 - e. Kertas cadangan ringkas mengenai:
 - Wawasan dan perancangan jangka pendek serta jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu; dan
 - Pandangan menjadikan UiTM sebagai sebuah pusat pengajian, penyelidikan, rujukan dan pengumpulan dokumentasi berkaitan Institusi Raja-Raja Melayu di Malaysia dan Nusantara.
- ii. Format:
 - a. Tidak melebihi 800 patah perkataan dalam kertas A4
 - b. Jenis *font*: Arial
 - c. Saiz: 11
- iii. Lain-lain dokumen yang diperlukan oleh pihak Universiti.
- iv. Sokongan ketua jabatan (sekiranya berkaitan).
- v. Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja yang akan disaring untuk disenarai pendek dan dijemput untuk sesi temubual.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL DARUL EHSAN

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada 15 Julai 2024.

E. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

Ketua Timbalan Pendaftar
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL DARUL EHSAN

Telefon: 603-5544 3511

e-mel: rizadora@uitm.edu.my